

Petani moden

» Meskipun masih belajar dalam program Sains Gunaan Ahmad Kamal ambil risiko tanam rock melon

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bhanan.com.my

Berpegang pada kata-kata berbudi kepada tanah boleh membawa untung, mahasiswa program Sains Gunaan, Universiti Malaya (UM) Ahmad Kamal Muhammad tekad memulakan langkah mengusahakan tanaman rock melon secara komersial.

Dengan pengetahuan dan pengalaman yang diraih ketika menyertai Program Inkubasi Usahawan Tani anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM), tanah terbiar seluas 0.8 hektar di kawasan Jenderam, Dengkil bakal dimanfaatkannya bersama-sama tiga rakan lain bagi penanaman rock melon.

"Rock melon mempunyai nilai yang tinggi berbanding tanaman lain dan mendapat permintaan tinggi daripada hampir semua peniaga di dalam dan luar negara.

"Permintaan dan status rock melon sebagai buah popular, membuka selera dan turut dijadikan sebagai snek segera yang berkhasiat selain sebagai pemanis mulut



INFO

Teknik fertigasi rock melon

- Teknik ini membabitkan pembajaan yang dijalankan secara sekata dan mengikut sukatan yang diperlukan pokok.
- Pembajaan dilakukan secara berperingkat-peringkat dengan baja pokok dilarutkan dalam air sebelum disuntik pada pangkal pokok setiap hari.
- Anak benih rock melon disemai terlebih dulu sebelum dipindahkan ke dalam beg poli selepas 10 hari atau apabila empat helai daun tumbuh pada anak pokok.

Ahmad Kamal bersama-sama rakan yang mengusahakan tanaman rock melon menerusi Program Inkubasi Usahawantani.

menjadikan ia sebagai tanaman pilihan terbaik untuk diusahakan," katanya.

Mengakui tertarik dengan teknik dan konsep penanaman secara fertigasi yang dipelajari ketika menyertai program inkubasi pertanian, Ahmad Kamal berkata, teknik itu bukan saja mudah, malah lebih moden dan mampu mengeluarkan hasil buah yang lebih berkualiti dan mem-

nuhi piala pasaran.

Katanya, berbeza dengan penanaman cara tradisional iaitu membiarkan tanaman rock melon tumbuh melata di atas tanah, penanaman secara fertigasi memerlukan tanaman itu disokong palang dan tumbuh menegak.

"Penanaman cara ini lebih mudah diurus, manakala teknologi yang digunakan lebih maju. Cara ini membolehkan pembajaan dan pe-

ngairan dilakukan berdasarkan keperluan tanaman.

"Menerusi tanaman secara fertigasi, anak benih rock melon disemai terlebih dulu sebelum dipindahkan ke dalam beg poli selepas 10 hari atau apabila empat helai daun tumbuh pada anak pokok," katanya.

Berkongsi pengalaman menyertai Program Inkubasi Usahawantani, Ahmad Kamal bersama enam rakan lain menggunakan modal sendiri berjumlah RM1,400 bagi memulakan projek rock melon di tapak ladang milik UPM.

Katanya, modal digunakan bagi membeli keperluan asas tanaman termasuk 1,500 anak benih, baja, beg poli serta racun dan tempoh selama enam bulan dimanfaatkan bagi meraih pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian.

Menjual hasil tanamannya secara sendiri pada harga antara RM3.50 hingga RM4 sekilogram, Ahmad Kamal akui pernah dinasihatkan untuk menghasilkan buah seberat antara RM1.3 hingga 1.5 kilogram kerana buah yang lebih besar belum tentu laku di pasaran berikutan harganya mahal.

"Pengalaman ini menguatkan azam untuk meneruskan projek tanaman rock melon secara sendiri, malah peserta program juga cukup beruntung apabila pihak universiti dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersedia memberi bimbingan berterusan bagi memastikan kejayaan projek.

"Ketika ini, saya masih menunggu kelulusan pinjaman bank bagi meneruskan projek tanaman rock melon dan jika berjaya, insya-Allah projek ini akan diteruskan dengan komitmen rakan lain yang sama-sama menyimpan impian bergelar jutawan tani," katanya.

KARYA VARSITI

Falsafah Cinta

Kerna cinta, kita ketenangan
Pada-Nya Allah hanya yang satu
Melalui tulisan ini kuterjemahkan kebahagiaan
Biarkan kuberitahu betapa mengingati Al-Quran, Muhammad Nabi Allah Sebagai utusan yang benar.

Hanya yakin dan percaya

Semua jadi memahami apa keinginanmu
Selama ini berbelas tahun minta difahami sahaja
Ingati Allah

Kudengar suara kegirangan
Kubersyukur diberi lagi kegirangan itu.

Nukilan:
Ibnu Sina
X-UTM

Apa salahnya Jalur Gemilang?

Merahnya jalur merah itu darah
Putihnya jalur putih itu bersih
Terbina atas letih dan jerih
Terbina atas nama pertiwi
Dalam lindungan Ilahi.

Melintang jalur itu kemaraan
Berani dan suci hati
Mangkat pertiwi berperiadi
Anak Malaysia di sini.

Berpetak segi birumu
Ketepatan perpaduan bangsa

Terbina atas persefahaman
Bukti kemajmukan
Malaya (Malaysia)
Ketika merdeka dirangka bersama
Itu tidak bisa didusta
Terpatri membina Satu Malaysia.

Kuningmu berseri bersegi
Murni berdarjat tinggi
Berabad silam anugerah bukti
Untuk Maharaja dari Maharani
Melindungi kota negeri
Strategi, strategi hati
Jangan ditusuk duri dengki.

Salahkah jalur nan melintang
Salahkah biru perpaduan
Hingga sang kembali bermedan
Mencuit kenangan silam

Mengguris Tugu Peringatan
Mengingat kemerdekaan.

Apa salahnya Jalur Gemilang?
Melintangnya perlu ditentang
Kibarnya dihalang diserang
Kerna tiada persefahaman
Hanya atas nama keadilan
Hanya atas nama persamaan
Terkuburlah pendemokrasian.

Apa salahnya Jalur Gemilang?
Warna-warna sepadan erat bergandingan
Ingin dilera berderai
Memboleng negara bangsa
Dalam meniti kencana usia.

Keemasan Jalur Gemilang
Tersepuh dalam kematangan
Kukuh utuh dalam perjuangan
Akur dalam kepatuhan

Walau sutera menganti kibaran
Kesetiaan watan teranyam dalam jalinan
Jangan goyahkan dalam kemarahan.

Demi Negaraku
Rukun Negara kunci bersatu
Jalur Gemilang panji kemegahan
Rahmat restu-Mu kupohon saban waktu.

Jangan biarkan tangan hitam tumbangkan
Panji kemerdekaan.
Sanggupkah membenteng diri bersamaku?

Nukilan:
Muslimah Taslim WE788
USM/SAM(T) TAR, Sg Manggis